



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Harga Dokumen Pelawaan
JPA/07/2019  Kajian Rasionalisasi Program Pemetaan Kementerian 2019	340106	17 Jun 2019 (Isnin),  jam 12.00 tengah hari.  Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender tidak akan dipertimbangkan	RM 50.00  (Ringgit Malaysia Lima Puluh sahaja)

1. **Petender atau wakil yang sah DIWAJIBKAN hadir ke Sesi Taklimat.** Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Petender **tidak boleh mewakilkan** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 27 Mei 2019 (Isnin)  
Masa : 10.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Aras 9  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Aras 9, Blok C1, Kompleks C  
62510 PUTRAJAYA

2. Dokumen tender boleh dibeli di **Sektor Perolehan dan Aset, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** mulai 27 Mei 2019 hingga 28 Mei 2019. Waktu urusan pembelian dokumen tender adalah seperti berikut:

HARI	Isnin hingga Khamis	Jumaat
MASA	9.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.30 petang – 4.00 petang	9.00 pagi – 12.00 tengah hari 3.00 petang – 4.00 petang

3. Pembayaran hendaklah dibuat dalam **Wang Pos/Bank Draf Berpalang** atas nama "**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**".
4. Dokumen Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan **mencatatkan nombor tender serta tajuk tender** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di **Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya.**